

09 SEP 2000

Lim-Forum

GERAKAN CADANG HAL SENSITIF DIBINCANG PADA FORUM TERTUTUP

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Persidangan Perwakilan Agung Parti Gerakan pada 23 Sept ini dijangka meluluskan cadangan supaya pihak yang ingin membahas dan membincangkan mengenai hal-hal sensitif seperti hak istimewa sesuatu kaum dibuat di forum tertutup.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, usul itu telah diluluskan pada mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti itu di sini, hari ini, dan akan dibentangkannya dalam ucapan Presiden semasa persidangan itu di Pulau Pinang.

Persidangan sehari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lim berkata, sekiranya perbincangan atau perbincangkan mengenai hal-hal sensitif itu dibuat secara umum, mungkin banyak lagi isu berkaitan akan dimainkan.

"Isu seperti hak istimewa kaum tertentu adalah satu kontrak sosial yang telah ditentukan dan dipersetujui pada masa kita nak mencapai kemerdekaan dahulu."

"Kontrak sosial yang baik adalah kontrak yang boleh memakan masa yang panjang dan mampu mengekalkan kestabilan negara," katanya.

Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama turut menggesa semua pihak supaya menghormati sesuatu kontrak sosial itu lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan sensitiviti sesuatu kaum.

Selain itu, ucapannya nanti juga akan mencadangkan supaya pemimpin pelbagai agama di negara ini mengadakan dialog untuk meningkatkan lagi persefahaman antara mereka serta menggesa kerajaan meningkatkan lagi aspek keselamatan supaya insiden di Sauk, Perak Julai lepas tidak berulang lagi.

"Toleransi dan kesederhanaan dalam agama di sesuatu negara yang berbilang kaum dan agama patut diamalkan. Selain itu sistem keselamatan perlu diperketatkan supaya insiden di Sauk tidak berulang lagi," katanya.

Dalam insiden di Sauk itu, anggota kumpulan Al-Maunah yang mencuri lebih 100 laras senjata dari pos tentera Kuala Rui dan Kem 304 Askar Wataniah, kedua-duanya di Gerik, Perak, menyerah diri selepas membunuh dua anggota keselamatan.

Dalam ucapannya nanti, Lim akan turut menyentuh soal pembangunan wanita dan usaha membendung masalah sosial di kalangan belia di negara ini.

Ketika ditanya mengenai sama ada Gerakan akan menjemput dua bekas anggotanya yang telah menyertai MCA iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Lim Chien Aun dan ADUN Datuk Keramat Lim Boo Chang ke persidangan itu, beliau berkata perkara itu bergantung kepada Jawatankuasa Perhubungan Gerakan Pulau Pinang.

"Biasa kita tidak (jemput) tetapi ini bergantung kepada Jawatankuasa Perhubungan Gerakan Pulau Pinang," katanya.

Chien Aun and Boo Chang mengambil keputusan keluar dari parti Gerakan dan menyertai MCA selepas memenangi pilihan raya umum November lepas.

-- BERNAMA

APG ES PR